



JUDICIARY CASE MANAGEMENT SYSTEM

SISTEM PENGURUSAN KES KEHAKIMAN

For more information about the JCMS, please visit our website at:
Untuk maklumat lanjut tentang JCMS, layari laman sesawang kami di:

www.judiciary.gov.bn

Judiciary Case Management System, or JCMS in short, is an electronic management system implemented by the State Judiciary Department for Civil Courts in all four districts.

It aims to establish and maintain an effective way to manage court documents as well as services for both the public and legal community.

JCMS will


- Further enhance productivity, efficiency and effectiveness of court management nationwide;
- Maximize human resources;
- Improve public and legal services;
- Enhance accessibility to court for the general public, relevant government institutions and legal community;
- Provide an efficient, effective and systematic way to manage resources;
- Enhance connectivity amongst the civil courts all over the country;

And also

- Minimize the movement of physical files;
- Information will be accessible from anywhere;
- Cases are processed more efficiently;
- Promotes effective use of the court's time.

This system consists of:

- Electronic Filing System (EFS)
- Case Management System (CMS)
- Queue Management System (QMS)



Judiciary Case Management System, atau ringkasnya JCMS adalah satu sistem pengurusan elektronik dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Negara untuk semua Mahkamah-Mahkamah Sivil di keempat-empat daerah.

Ia dihasratkan untuk mengwujudkan dan mengekalkan cara pengurusan dokumen Mahkamah dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang cekap kepada pengguna awam dan pengamal undang-undang.

JCMS akan

- Meningkatkan lagi produktiviti, kecekapan dan keberkesanan pengurusan Mahkamah seluruh Negara;
- Memaksimumkan sumber-sumber tenaga manusia;
- Memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan awam dan perundangan;
- Meningkatkan akses pengguna awam, institusi-institusi kerajaan yang berkenaan dan pengamal perundangan kepada Mahkamah;
- Menyediakan satu cara yang cekap, berkesan dan sistematik dalam pengurusan sumber-sumber Mahkamah;
- Meningkatkan kesaling hubungan dikalangan Mahkamah-Mahkamah Sivil seluruh negara.

JCMS ini juga akan

- Mengurangkan pergerakan fail-fail fizikal;
- Membolehkan maklumat di akses di mana-mana;
- Memproses kes-kes dengan lebih cekap;
- Meningkatkan penggunaan masa Mahkamah dengan lebih berkesan.

Sistem ini mengandungi:

- *Electronic Filing System (EFS)*
- *Case Management System (CMS)*
- *Queue Management System (QMS)*

ELECTRONIC FILING SYSTEM (EFS)

The Electronic Filing System (EFS) is an online portal designed to serve the public and legal community in gaining access ranging from pre-registration of cases, filing case documents and right down to the retrieval of case information and their schedules.

The services provided are as follows:

- New case pre-registration;
- Online filing of court documents;
- Online file searches;
- Online retrieval of documents;
- E-payment (yet to be implemented);
- Digital stamping & sealing of documents.

1. What cases are filed in the EFS?

Criminal and Civil cases in the Court of Appeal, High Court, Intermediate Court, Magistrate's and Juvenile Courts, Bankruptcy, Probate and Inquests.

2. Who can use the EFS?

Government agencies and registered law firms have full access to the EFS portal. Members of the public can only download or extract signed document.

3. How do I use Electronic Filing System?

For Public: Go to the 'Service Bureau Counter' to file a case. The court will send an e-mail notification for document to be extracted. To check, go to the EFS portal and enter the extraction code number provided in the e-mail and download the documents.

For registered users: Go to the EFS portal, log in and follow the 'User Manual'.

4. How do I download or extract signed documents if I don't have an email address or internet connection?

Members of the public without an email address or internet connection can come to the Service Bureau Counter to print the signed documents.

5. If the EFS portal is down or if I do not have internet connection, can I still file my case?

Yes, if the EFS portal is down or you do not have internet connection, you can go to the 'Service Bureau Counter' to scan your documents and file it.

6. Do I need a law firm to file my case using the Electronic Filing System?

Yes, filing via EFS is accessible only to Government agencies and registered law firms.

7. How much do I have to pay to file using the Electronic Filing System?

The EFS is free of charge until further notice. You just have to pay the normal filing fees for documents.

CASE MANAGEMENT SYSTEM (CMS)

This is computerized court operations from end-to-end, continuing off from the Electronic Filing System (EFS) by tracking case information from the aforementioned pre-registration. The functions of the system are assignment of cases, hearing schedules, retrieval of documents, searches for information on court cases, record of case notes and judicial decisions, amongst others. Upon disposal of cases, the system also facilitates archiving, record keeping and search purposes as well as auto-generated statistics.

The services provided are as follows:

- Registration of new cases;
- Auto-generate Case Number;
- Retrieval of Documents;
- Case Notes Recording;
- Centralized Database.
- End to end Case Management;
- Case Scheduling & Court Planners;
- Case File Tracking;
- Alerts & Statistics;

Who are the users of CMS?

The CMS is for the internal use of officers and staff of the courts.

QUEUE MANAGEMENT SYSTEM (QMS)

This system allows the public and legal community to obtain up-to-date list of court hearings and status of cases and schedules for both the Supreme Court and Subordinate Courts via kiosks. The interactive kiosks provides an orderly queue system.

The services provided are as follows:

- Self-service kiosks;
- Attendance Registration;
- SMS Notification (yet to be implemented).

1. How do I use the Queue Management System?

- a. Go to a kiosk;
 - b. Select 'Enquire Case Details' for parties' information;
 - c. Enter case number.
- or
- a. To register attendance, select 'Register Attendance';
 - b. Enter case number;
 - c. Select either 'All Plaintiff Present' or 'All Defendant Present';
 - d. Select 'Yes' to confirm attendance.

2. If I do not use QMS, what will happen?

By not registering in the QMS, the court will not be able to manage your attendance or call up your case.

3. Do I have to pay for using the QMS?

Using the kiosk is free of charge. However, to use the SMS Notification service (when it is available) you will need to register for the service and each SMS notification will be chargeable.

ELECTRONIC FILING SYSTEM (EFS)

Electronic Filing System (EFS) ini ialah satu portal atas talian (*online*) di reka untuk pengguna awam dan pengamal undang-undang bagi mendapatkan akses bermula dari pra-pendaftaran kes-kes, menfailkan dokumen-dokumen kes sehinggalah kepada mendapatkan semula maklumat kes dan bila kes mereka di jadualkan.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang di sediakan adalah:

- Pra-pendaftaran kes baru;
- Pemfailan dokumen-dokumen Mahkamah atas talian (*online*);
- Pencarian fail atas talian (*online*);
- Mendapatkan balik dokumen-dokumen atas talian (*online*);
- *E-Payment* (akan dilaksanakan);
- Pensteman dan pemetraian dokumen-dokumen secara *digital*.

1. Apakah jenis kes-kes yang difailkan melalui EFS?

Kes-kes jenayah dan sivil di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Perantaraan, Mahkamah Majistret, Mahkamah Juvana, Kebankrapan, Waris dan Inkues.

2. Siapa yang boleh menggunakan EFS?

Agensi-agensi kerajaan dan firma-firma perundangan yang berdaftar mempunyai akses sepenuhnya kepada portal EFS. Pengguna awam hanya boleh memuat turun atau mendapatkan dokumen yang telah ditandatangani.

3. Bagaimana saya menggunakan EFS?

Untuk pengguna awam, pergi ke kaunter biro perkhidmatan untuk memfailkan kes. Mahkamah akan menghantar notifikasi melalui email untuk mendapatkan kembali dokumen yang di failkan. Untuk mengetahui kedudukan permohonan, layari portal EFS dan masukkan nombor kod yang di berikan melalui email dan dokumen-dokumen tersebut akan boleh dimuat- turun.

Untuk pengguna yang berdaftar : Layari portal EFS, daftar masuk dan ikuti panduan langkah-langkah untuk pengguna.

4. Bagaimana saya memuat turun atau mendapatkan kembali dokumen-dokumen yang telah ditandatangani jika saya tidak ada alamat emel atau penyambungan internet?

Pengguna awam yang tidak mempunyai alamat emel atau penyambungan internet boleh datang ke kaunter biro perkhidmatan untuk dokumen itu dicetak.

5. Jika portal EFS tidak dapat dilayari atau saya tidak mempunyai talian internet, bolehkah saya masih memfailkan kes saya?

Ya, jika portal tidak dapat dilayari atau awda tidak mempunyai talian internet, awda boleh pergi ke kaunter biro perkhidmatan untuk membuat imbasan dan memfailkan dokumen awda.

6. Adakah saya perlu bantuan firma perundangan untuk memfailkan kes saya menggunakan EFS?

Ya, pemfailan melalui EFS hanya boleh di akses oleh agensi-agensi kerajaan dan firma perundangan yang berdaftar.

7. Berapakah saya bayar untuk menggunakan EFS?

EFS adalah percuma sehingga pemberitahuan lanjut. Awda hanya perlu membayar yuran pemfailan dokumen seperti biasa.

CASE MANAGEMENT SYSTEM (CMS)

Ini adalah satu operasi Mahkamah yang berkomputer dari awal hingga keakhir, kesinambungan dari Electronic Filing System (EFS) dengan mengesan maklumat kes dari pra-pendaftaran yang disebutkan di atas. Fungsi-fungsi sistem ini antara lainnya ialah penggagihan kes-kes, jadual-jadual perbicaraan, mendapatkan balik dokumen-dokumen, pencarian-pencarian maklumat tentang kes-kes Mahkamah, merekodkan nota kes dan keputusan-keputusan Mahkamah. Apabila kes-kes telah selesai, sistem ini juga menyediakan perkhidmatan arkib, penyimpanan rekod dan tujuan-tujuan pencarian dan juga penjanaan statistic-statistik secara automatik.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan adalah:

- Pendaftaran kes-kes baru;
- Kaedah penomboran kes secara automatik;
- Mendapatkan balik dokumen-dokumen;
- Merekod nota-nota kes;
- Pangkalan data yang berpusat.
- Pengurusan kes dari awal ke akhir;
- Penjadualan kes dan Perancang Mahkamah;
- Pengesanan fail kes;
- Peringatan-peringatan dan statistic-statistik;

Siapakah pengguna-pengguna CMS?

CMS adalah untuk penggunaan dalaman bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Mahkamah.

QUEUE MANAGEMENT SYSTEM (QMS)

Sistem ini membolehkan Pengguna awam dan pengamal perundangan untuk mendapatkan senarai perbicaraan Mahkamah dan status kes-kes yang terkini bagi kedua-dua Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan Mahkamah-Mahkamah Rendah melalui kiosk. Kiosk interaktif ini menyediakan sistem giliran yang teratur.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan adalah:

- Kiosk layan sendiri;
- Pendaftaran kehadiran;
- Pemberitahuan melalui pesanan ringkas SMS (akan dilaksanakan).

1. Bagaimana saya menggunakan QMS?

- a. Pergi ke kiosk;
- b. Pilih "Enquire Case Detail" untuk maklumat pihak-pihak;
- c. Masukkan nombor kes.

- a. Untuk mendaftar kehadiran, pilih "Register Attendance";
- b. Masukkan nombor kes;
- c. Pilih samaada "All Plaintiff Present" atau "All Defendants Present";
- d. Pilih "Yes" untuk mengesahkan kehadiran.

2. Jika saya tidak menggunakan QMS, apa akan terjadi?

Dengan tidak mendaftarkan di QMS, Mahkamah tidak akan dapat menguruskan kehadiran awda atau memanggil kes awda

3. Adakah saya akan dikenakan apa-apa bayaran untuk menggunakan QMS?

Penggunaan kiosk adalah percuma. Walau bagaimanapun, untuk menggunakan perkhidmatan notifikasi (apabila ia tersedia nanti) awda perlu untuk mendaftar perkhidmatan yang akan dikenakan bayaran.